

07 JUN 2002
Mahathir-Pope
DR MAHATHIR BERTEMU POPE DI VATICAN

Oleh: Mahrus Ibrahim

VATICAN CITY, 7 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertemu Pope John Paul II di Vatican di sini, hari ini, mengakhiri siri pertemuan dengan beberapa daripada pemimpin kuasa besar dan yang berpengaruh sejak empat bulan lepas.

Lawatan itu atas jemputan Pope John Paul, pemimpin satu bilion penganut agama Kristian daripada mahzab Roman Katholik, merupakan yang pertama oleh seorang ketua kerajaan Malaysia ke Vatican. Malaysia mempunyai lebih kurang 600,000 pengikut Katholik.

Siri pertemuan Dr Mahathir dengan beberapa pemimpin terkemuka dunia sejak Mac lepas bermula dengan lawatan ke Moscow di mana Perdana Menteri bertemu dengan Presiden Russia, Vladimir Putin, diikuti dengan perbincangan di Tripoli dengan orang kuat Libya Kol.Muammar Gaddafi dan bulan lepas, Dr Mahathir dijemput ke White House oleh Presiden Amerika Syarikat, George W.Bush. Perdana Menteri juga mengunjungi rakan sejawatannya di Jepun Junichiro Koizumi dan Presiden Korea Selatan Kim Dae-jung.

Aturcara di Vatican bermula dengan pertemuan empat mata antara Dr Mahathir dan paus berusia 82 tahun itu. Pertemuan berlangsung di perpustakaan peribadi di tempat tinggal Pope John Paul.

Kemudian Pope diperkenalkan kepada isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan juga anggota-anggota delegasi Malaysia yang termasuk Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Bernard Dompok, Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan Datuk Dr Ismail Ibrahim, dan pendakwah bebas Uthman Muhamadi.

Ini disusuli oleh satu sesi bergambar dan pertukaran cenderamata.

Dr Mahathir kemudian mengadakan perbincangan bersama para pegawai Vatican yang diketuai oleh Setiuasaha Negara Kardinal Angelo Sadano yang mengetuai kerajaan Vatican City.

Negara Vatican City yang juga dikenali sebagai 'Holy See' ialah satu kawasan yang dilingkungi daratan di Rome, Itali dan merupakan negara terkecil di dunia, dengan penduduk seramai 890 orang. Ia hanya sebesar KL Sentral di Kuala Lumpur.

Ia mempunyai perlembagaan sendiri dengan Pope sebagai ketua negaranya.

Apabila berita mengenai keinginan Pope untuk bertemu Dr Mahathir menjadi pengetahuan umum, ia disambut baik oleh rakyat Malaysia termasuk tokoh-tokoh agama dan sehinggakan ahli politik pembangkang.

Ramai percaya ia satu peluang bagi Perdana Menteri untuk merintis jalan ke arah persefahaman lebih baik mengenai Islam, khususnya dengan dunia Kristian.

Menurut para pegawai, pertemuan Dr Mahathir dengan Pope juga banyak menimbulkan minat di kalangan penduduk Islam di negara-negara lain.

Ini mungkin kerana hakikat yang Perdana Menteri akan membincangkan hal-hal mengenai Palestin dan keganasan, dua isu yang membimbangkan umat Islam di seluruh dunia, kata para pegawai.

Selepas mesyuarat delegasi, Dr Mahathir melawat Sistine Chapel yang mana terdapat nukilan pelukis terkemuka, Michelangelo.

Perdana Menteri kemudian bertolak dari Vatican City untuk sembahyang Jumaat di Masjid Rome, masjid terbesar di Eropah.

Beliau juga menyampaikan sumbangan Malaysia kepada masjid itu yang juga berfungsi sebagai pusat kebudayaan Islam.

Dr Mahathir berada dalam rangka lawatan seminggu yang membawa beliau ke

Switzerland dan Luxembourg.

-- BERNAMA

MAI PR